

30/08/1999

Dua lagi helikopter untuk Jabatan Bomba

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membeli dua lagi helikopter bagi kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam operasi memadam kebakaran, terutama yang membabitkan bangunan pencakar langit.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata pembeliaan kemudahan itu akan menjadikan jabatan berkenaan mempunyai empat helikopter, sekali gus memudahkan operasi kerana negara kini mempunyai banyak bangunan tinggi.

Beliau berkata, sebelum ini jabatan berkenaan membeli dua helikopter Mi-17 buatan Russia dengan harga RM58 juta pada September tahun lalu.

Baru-baru ini, sebuah majalah berpangkalan di United Kingdom, Air Force Weekly, turut melaporkan Malaysia akan membeli dua lagi helikopter model Mi-17 buatan Russia.

Pertengahan bulan ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat pusat pengeluaran utama kapal terbang dan helikopter, termasuk model Mi-17 di Khabarovsk, Russia.

"Bagaimanapun, keputusan pembelian itu bergantung kepada kelulusan Kementerian Kewangan dan Perdana Menteri juga bersimpati dengan keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Kita percaya akan dapat dua lagi helikopter tetapi kita juga faham Kementerian Kewangan ada keutamaannya," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis perkahwinan anak pengawal peribadinya, Shahimin Daud, di sini hari ini.

Kedua-dua helikopter Mi-17 itu digunakan untuk operasi memadam kebakaran dan misi menyelamat. Ia dilengkapi meriam air dan peralatan peraturan penerbangan yang membolehkan kedua-duanya beroperasi sepenuhnya.

Sementara itu, Dr Ting berkata kementerian menjangka isu pampasan antara pembeli dan pemaju bagi projek kondominium Le Chateau di Lorong Syed Putra Kiri di sini, akan selesai dalam beberapa minggu lagi.

"Saya faham kekecewaan mereka kerana terpaksa menunggu selama tujuh tahun untuk menduduki rumah berkenaan. Jika ia tidak boleh diselesaikan secara kompromi, kita akan cadangkan kedua-dua pihak bertemu di mahkamah.

"Kita sudah ada undang-undang yang lengkap dan semua orang tertakluk kepada mahkamah," katanya.

Mengikut laporan sebuah akhbar tabloid berbahasa Inggeris hari ini, pembeli enggan membayar bagi 20 peratus daripada harga belian kepada pemaju, dengan alasan pemaju tidak menyiapkan rumah dalam tempoh yang dipersetujui.

Dr Ting juga sudah mengarahkan timbalannya, Datuk Syafie Apdal, untuk bertemu dengan kedua-dua pihak, pemaju dan pembeli, untuk menyelesaikan isu berkenaan.

(END)